

# Didik si kecil dengan 'smile'

Oleh Faizatul Farlin Farush Khan  
ffarlin@hmetro.com.my

**K**ASIHNYA pada kanak-kanak mendorong guru tadika, Farah Waheeda Abd Wahid, 32, menumpukan perhatian dan memfokus kepada pendidikan generasi muda supaya mereka membesar menjadi golongan yang berilmu serta berkeyakinan tinggi.

Mernilai seorang anak pada usia tiga tahun membuatkan Farah Waheeda semakin memahami betapa pentingnya pendidikan sejak awal usia kanak-kanak demi masa depan yang cerah dan lebih terjamin.

Pengasas Kiddies Advance Learning Centre yang beroperasi di Batang Kali, Selangor, itu juga percaya kanak-kanak perlu dide dedahkan dengan pembelajaran dari sejak lahir kerana perkembangan otak mereka yang pantas memudahkan aktiviti pembelajaran diserap.

Bagi mengenali dengan lebih dekat individu yang mempunyai sikap penyayang dan prihatin terhadap pendidikan kanak-kanak ini, ikuti temu bual bersamanya yang diadakan di Balai Berita, baru-baru ini.

**Soalan (S): Boleh ceritakan serba sedikit mengenai latar belakang anda?**

**Jawapan (J):** Saya berkelayusan Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak dan Ijazah Psikologi Kanak-Kanak dari Universiti Putra Malaysia (UPM) dan sudah berkahwin. Saya anak sulung dari enam beradik dan kerana itu saya biasa dengan kanak-kanak. Sebagai tamat pengajian, saya terus bekerja di beberapa tadika sebelum mengambil keputusan membuka tadika sendiri.

**S: Siapa yang memberi sokongan kepada keputusan anda untuk membuka tadika?**

**J:** Suami saya memberi sokongan kuat baik dalam soal emosi, moral maupun kewangan. Beliau banyak memberi kata-kata perangsang untuk saya berjaya. Selain Kiddies Advance Learning Centre, saya juga buka Tadika Didik Literasi dan bulan depaan pula, Pusat Perkembangan Didik Literasi iaitu pusat asuhan.

**S: Apa yang membuatkan anda membuat keputusan membuka tadika sendiri?**

**J:** Sepanjang saya bekerja dalam bidang ini, saya dapatkan ramai kanak-kanak mempunyai masalah pembelajaran, mereka tidak kenal huruf apalagi mahu

membaca. Bukan kanak-kanak ini tidak bijak tetapi kaedah pembelajaran yang tidak praktikal menyebabkan mereka mengalami kesukaran.

Melihat kepada perkara itu, saya mengambil keputusan membuka tadika sendiri dan saya bersyukur kerana selama dua tahun beroperasi, ramai kanak-kanak termasuk yang mengalami masalah disleksia, sudah boleh mengenal huruf dan membaca. Walaupun sudah dua tahun tadika ini beroperasi tetapi saya sebenarnya mempunyai pengalaman memberi tutorial selama sembilan tahun.

**S: Bila masa yang sesuai mengajar kanak-kanak membaca?**

**J:** Sebenarnya kanak-kanak boleh diajar membaca sejak mereka bayi lagi. Lebih awal diasuh, lebih mudah dididik. Ini kerana sebelum usia tiga tahun, daya tumpuan dan serapan adalah 200 peratus.

Lebih awal mula diajar membaca lebih bagus kerana apabila mereka boleh membaca, keyakinan diri kanak-kanak akan meningkat. Ini seterusnya akan membuatkan mereka lebih maju dalam pelajaran berbanding rakan-rakan sekelas yang masih belajar membaca. Cuma kaedah pengajaran perlu betul supaya kanak-kanak mudah memahami dan membantu mereka belajar lebih pantas.

**S: Apa kaedah pembelajaran yang digunakan anda?**

**J:** Kanak-kanak tidak boleh diajar secara serius kerana tumpuan mereka akan lari atau hilang minat untuk belajar. Kanak-kanak perlu diajar dengan cara menyeronokkan seperti bermain dan menyanyi. Ketika usia bawah enam tahun, memang kaedah pembelajaran banyak menggunakan nyanyian.

Selain itu, saya menggunakan kaedah fonik, iaitu menggunakan bunyi bagi mengenal huruf dan menggunakananya untuk membaca dan menulis. Saya mengikut kurikulum seragam yang ditetapkan tetapi saya terap strategi 'smile' iaitu senyum,

ikhlas, mengajar, mendidik, sayang dan emosi. Pendekatan yang digunakan adalah mudah dan menyeronokkan sambil belajar. Ini akan membuatkan kanak-kanak suka ke tadika dan belajar.

**S: Apa bezanya kaedah fonik dan tradisional?**

**J:** Kaedah tradisional masih digunakan dalam sistem pembelajaran kita dan saya lihat ia tidak sesuai kerana masih ramai murid yang gagal membaca dengan lancar biarpun sudah berumur 12 tahun.

Kaedah tradisional membuatkan ramai masih sukar mengenal huruf sebab tidak menggunakan kaedah bunyi yang lebih senang diingati kanak-kanak, menyebabkan mereka tiada kemahiran membaca. Kalau di luar negara seperti bahasa Inggeris, mereka memang gunakan kaedah fonik.

**S: Bagaimana untuk mengenal anak yang mungkin mempunyai masalah pembelajaran?**

**J:** Biarpun anak masih kecil, kita kena ajar dia untuk berdiskusi. Jika usianya sudah empat tahun tetapi masih bersikap seperti bayi, lambat berbicara, tidak matang, masih pakai lampin pakai buang, masih pelat dan tidak petah, ibu bapa perlu memberi perhatian serius kerana bimbang mereka boleh mengalami masalah belajar.

Bila dia seperti bayi tetapi kanak-kanak lain seusianya sudah mempunyai keyakinan dan mampu berdiskusi, dia akan ketinggalan. Keyakinannya juga tidak seperti rakan yang pandai membaca, menyebabkan dia terus tertinggal di belakang. Ibu bapa perlu memainkan peranan dan bantu anak mereka. Perlu gunakan cara sesuai untuk mengajar supaya anak berminat, kalau ibu bapa dan guru saja yang bersemangat tetapi anak tidak mahu, tidak jadi juga.

**S: Bagaimana mengajar anak yang mempunyai masalah seperti disleksia?**

**J:** Saya pernah berdedikasi dengan kanak-kanak disleksia, mereka bukan tidak bijak tetapi mereka cenderung sesuatu berbeza dengan kita. Jika diajar secara berramai-ramai, memang sukar untuk mereka tetapi jika diajar secara 'satu ke satu' dan beri tumpuan sepenuhnya, mereka boleh mengenal huruf dan membaca dengan baik. Ini kerana menggunakan kaedah bunyi membantu mereka belajar lebih mudah. Kanak-kanak sensitif, jika mereka lambat membaca, mereka terus tidak mahu baca. Jadi, kita kena mudahkan supaya mereka cepat belajar membaca.

**S: Apa yang memberi anda kepuasan?**

**J:** Bila melihat kanak-kanak di tadika saya sudah boleh lancar membaca dan menulis dalam tempoh setahun, ia memberi kepuasan yang sukar digambarkan.

